

Berita Harian



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin (depan kiri) meninjau jeti Kuala Sepetang pada program Pembangunan Menariktaraf Jeti Kuala Sepetang, Daerah Larut dan Matang di Jeti Kuala Sepetang. NSTP/Effendy Rashid

Kebakaran hutan: 60 anggota bomba, SMART ke Australia pada Rabu

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri

TAIPING: Seramai 40 anggota bomba serta 20 lagi daripada Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) akan berlepas ke Australia, Rabu ini, bagi membantu usaha memadamkan kebakaran hutan di negara itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata ia bagaimanapun tidak akan membabitkan sebarang penghantaran aset yang digunakan ketika operasi.

Beliau berkata, anggota terbabit akan lebih banyak bertindak memberi nasihat berdasarkan pengalaman dan kepakaran untuk mengawal serta meredakan kebakaran hutan ketika operasi.

“Keseluruhan 60 anggota dihantar ke Australia adalah daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan SMART, tanpa membabitkan sebarang aset ke sana.

“Tiada aset yang boleh dihantar ke sana memandangkan kekangan pengangkutan untuk membawanya,” katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja ke Jeti Kuala Sepetang, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Majlis Perbandaran Taiping (MPT), Kamaruzzaman Kamari, dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Sepetang, Chua Yee Ling.

Media sebelum ini melaporkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, sebagai berkata Malaysia bersiap sedia untuk menghulur bantuan kepada Australia yang kini berhadapan krisis kebakaran hutan.

Maklumat Kerajaan Australia, baru-baru ini, mengesahkan kebakaran hutan sudah mengorbankan sekurang-kurangnya 27 nyawa di negara itu.

Kebakaran hutan itu turut dilapor memusnahkan kawasan seluas lebih 10.3 juta hektar, iaitu keluasan sama dengan Korea Selatan, manakala ribuan penduduk kehilangan kediaman.

Dalam perkembangan berasingan pula, Zuraida berkata, pihaknya sudah meluluskan peruntukan RM2 juta bagi pembangunan menaik taraf Jeti Kuala Sepetang supaya lebih moden dan meningkatkan keselesaan kepada pelancong.

Katanya, pembinaan jeti baharu di kawasan seluas 0.12 hektar itu disasarkan siap pada hujung tahun ini.

Beliau berkata, ia akan dilengkapi pelbagai kemudahan meliputi surau, ruang menunggu serta laluan pejalan kaki, bertujuan mengembangkan lagi industri pelancongan dan perikanan di kawasan itu, sekali gus meningkatkan taraf ekonomi penduduk.

“Keputusan ini (meluluskan peruntukan) dibuat atas justifikasi banyak inisiatif dan usaha yang dirancang komuniti setempat bagi meningkatkan taraf kehidupan, khususnya dalam menangani pencemaran serta pengurusan sampah.

“Saya melihat kawasan ini berpotensi dibangunkan setanding lokasi tumpuan di negara lain seperti Thailand dan Vietnam yang ada pasar terapung tersendiri, di mana mungkin boleh menyasarkan penjualan produk berasaskan hasil laut kepada pelancong yang berkunjung ke sini,” katanya.